

## [CONTEMPORARY DA'WAH APPROACH THROUGH ART]

### PENDEKATAN DAKWAH KONTEMPORARI MELALUI KESENIAN

AHMAD SAHLAN ABDUL HATIM<sup>1\*</sup>  
 MOHD NIZAM SAHAD<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,  
 11800 Pulau Pinang, Malaysia

\*Corresponding author: sahlan2903@gmail.com

Received Date: 7 Disember 2019 • Accepted Date: 28 May 2020

#### **Abstract**

*The development of da'wah demands a diverse approach in line with the passage of time and the state of society today. The delivery of preaching is no longer tied to lectures or traditional approaches but is even necessary to contemporary approaches that meet the demands of the target audience. Realizing that art has the values of beauty and can give charm to human beings, then the use of art in da'wah is quite significant. In addition to contributing to the demands of nature, art that meets Shari'a boundaries and contains educational elements also has the potential to influence thinking and lifestyle more positively. As such, art is seen as one of the effective mediums for propagating Islam to its target audience through the use of communication technology and social media applications. Therefore, the study by document analysis as well as the results of research in the form of books, journals, and papers discuss the concept of da'wah and art, art according to Islamic perspective and art as a contemporary da'wah approach.*

**Keywords:** *da'wah, contemporary, art, communication technology*

#### **Abstrak**

Perkembangan dakwah pada masa kini menuntut kepada pendekatan yang pelbagai selari dengan peredaran zaman dan keadaan masyarakat pada masa kini. Penyampaian dakwah tidak lagi terikat dengan cara berceramah atau pendekatan secara tradisi semata-mata bahkan perlu kepada pendekatan kontemporer yang dapat memenuhi keinginan sasaran dakwah. Menyedari kesenian yang mempunyai nilai-nilai keindahan dan berupaya memberi daya tarikan kepada manusia, maka pemanfaatan kesenian dalam dakwah adalah suatu yang cukup signifikan. Di samping berperanan memenuhi tuntutan fitrah, kesenian yang menepati batasan syariat serta mengandungi elemen-elemen mendidik turut berpotensi besar dalam mempengaruhi pemikiran dan gaya hidup ke arah yang lebih positif. Justeru, kesenian dilihat sebagai salah satu medium dakwah yang berkesan dalam menyebarluaskan Islam kepada sasaran khalayak melalui penggunaan aplikasi teknologi komunikasi dan media sosial. Oleh yang demikian, kajian secara analisis dokumen serta hasil kajian dalam bentuk buku, jurnal dan kertas kerja ini membincangkan tentang konsep dakwah

dan kesenian, kesenian menurut perspektif Islam dan kesenian sebagai pendekatan dakwah kontemporeri.

**Kata kunci:** *dakwah, kontemporeri, kesenian, teknologi komunikasi*

**Cite as:** Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Mohd Nizam Sahad. 2020. Pendekatan Dakwah Kontemporeri Melalui Kesenian. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 21(1): 134-148

## PENGENALAN

Seni merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan kerana mempunyai hubungan dengan naluri dan perasaan manusia (al-Qardhawi, 2002). Adalah menjadi fitrah semula jadi bagi setiap manusia itu suka kepada sesuatu yang indah dan mempesonakan. Justeru, seni adalah sesuatu yang mampu menimbulkan rasa kesenangan yang bersifat estetika terhadap diri seseorang. Segala bentuk keindahan yang terhasil daripada seni menjadi daya tarikan kepada naluri dan fitrah manusia. Hal ini tidak dinafikan bahawa seseorang itu sanggup membelanjakan sejumlah wang yang banyak untuk mendapatkan sesuatu hasil ciptaan atau rekaan yang cantik demi memenuhi kehendak dan kepuasan diri. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Sidi Gazalba (1988), segala bentuk rekaan dan ciptaan yang mengandungi nilai estetika merupakan kesenian yang memainkan peranan penting sebagai satu daya tarikan dalam kehidupan.

Menyedari perihal ini, pemanfaatan kesenian dalam berdakwah dilihat mampu menarik golongan sasaran untuk menerima seruan dakwah. Kepelbagaiannya pendekatan dalam menyampaikan dakwah dengan lebih luas menyumbang kepada perkembangan dakwah semasa. Justeru, Rosmawati Mohamad Rasit dan Muhamad Faisal Asha'ari (2014) menegaskan bahawa kemahiran menguasai bidang kesenian merupakan suatu kelebihan bagi para pendakwah pada hari ini di dalam memahami dan mendekati sasaran khususnya bagi mereka yang suka kepada hiburan.

Dengan menjelmakan nilai-nilai keindahan dalam berdakwah secara tidak langsung menjadikan kesenian itu sebagai salah satu pendekatan dakwah yang menarik dan berkesan. Sebagai contoh, apabila penyampaian ceramah atau pidato yang hanya menggunakan laras bahasa yang biasa dan gaya penyampaian yang kaku menjadikan dakwah yang disampaikan kurang menarik. Hal ini akan menimbulkan rasa bosan dalam kalangan pendengar dan secara tidak langsung menyebabkan isi dakwah yang cuba disampaikan tidak dapat diterima dengan baik (Sidi Gazalba, 1988). Namun begitu, sekiranya pendakwah menggunakan susunan kata yang indah, gaya penyampaian dan pengucapan yang membela perasaan sudah pasti dapat membangkitkan semangat dan daya tarikan dalam kalangan pendengar untuk menghayati isi dakwah yang disampaikan.

## KONSEP DAKWAH DAN KESENIAN

Matlamat utama pelaksanaan dakwah adalah untuk mengajak manusia menuju kepada kesejahteraan dan keredaan Allah SWT. Tenaga dan usaha pendakwah sebagai pewaris para nabi adalah sangat diperlukan dalam menangani perlakuan maksiat dan kemungkar yang

berlaku dalam masyarakat. Di samping menyebarkan agama Islam kepada orang bukan Islam, para pendakwah juga dikehendaki memainkan peranan untuk mengukuhkan pegangan dan penghayatan agama dalam kalangan umat Islam (Mohd Amin Abdul Rahim, 2001). Pelaksanaan dakwah merupakan suatu usaha yang sangat penting ke arah mengubah hala tuju masyarakat yang bukan sekadar merubah masyarakat dalam aspek melakukan ibadah kepada Allah SWT bahkan merangkumi segala aspek kehidupan termasuk politik, ekonomi, sosial dan sebagainya agar berada pada landasan agama. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa kemajuan dan kemunduran masyarakat adalah bergantung pada perkembangan dan kejayaan aktiviti dakwah yang dilaksanakan (Mohd Sabri Ismail, Tuan Syed Abdurahman Syed Hussin & Salmiah Ismail, 2006).

Menurut Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni (2001), dakwah ialah menyampaikan Islam kepada manusia, mengajarkan kepada mereka dan melaksanakannya dalam kehidupan. Takrifan dakwah yang diberikan oleh Ali Mahfuz (1958) pula ialah menyeru dan mengajak manusia ke arah kebaikan dan petunjuk Allah serta menyuruh membuat makruf (kebaikan) dan melarang melakukan kemungkaran (kejahanatan) supaya beroleh kejayaan dengan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Al-Qaradawi (1978) mendefinisikan dakwah sebagai usaha membawa orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk agama, melaksanakan segala ketetapan Allah SWT di muka bumi ini, mengkhususkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat kepada Allah sahaja, melepaskan diri dari kongkongan yang bukan daripada Allah (taghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah SWT, menafikan hak orang yang dinafikan hak oleh Allah SWT, menyeru kepada kebaikan dan menegah kepada kemungkaran serta berjihad di jalan Nya.

Selain daripada itu, istilah dakwah juga membawa maksud sebagai suatu usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan yang menggunakan pendekatan tertentu untuk memimpin manusia kepada keredaan Allah SWT (Ab. Aziz Mohd. Zin, 1997). Di samping itu, dakwah juga merupakan usaha mengubah suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik dan sempurna dalam konteks peribadi mahu pun masyarakat. Istilah dakwah juga dapat difahami sebagai usaha yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan manusia yang beriman menyeru dan mengajak manusia lain untuk beriman kepada Allah SWT. Seruan dan ajakan yang dilakukan adalah lebih menjurus kepada keimanan dan amal soleh untuk menjamin kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat (Mohamad Nazli Omar, 2016).

Melihat dakwah dari sudut konsepnya, Syed Othman (1998) menghuraikan dakwah sebagai satu kegiatan yang mengandungi tiga peranan atau lebih tepat lagi mengandungi tiga ciri utama. Peranan yang pertama ialah sebagai penyaksian sekalian manusia kepada Allah SWT terhadap ajaran Islam telah disampaikan kepada mereka. Penyaksian ini melihat kepada reaksi manusia apabila ajaran itu disampaikan sama ada mereka menerima dan beriman kepadanya atau sebaliknya. Peranan yang kedua pula ialah sebagai pembawa berita baik yang hanya disampaikan kepada mereka yang menerima ajaran Islam atau seruan dakwah itu. Berita baik yang dimaksudkan ialah tentang rahmat Allah SWT yang memberikan Islam sebagai cara hidup serta balasan yang menunggu mereka di akhirat nanti bagi yang menerima Islam. Manakala peranan dakwah yang ketiga pula ialah sebagai pemberi amaran bagi mereka yang menolak ajaran Allah SWT serta mengingkarinya.

Kesenian boleh ditafsirkan sebagai hasil ciptaan manusia dan memiliki nilai estetika. Kesenian meliputi seni halus atau seni utama dan seni kecil yang menekankan aspek kegunaan. Menurut Kamus Dewan, seni didefinisikan sebagai sesuatu yang halus. Di samping itu, seni juga membawa maksud sebagai karya iaitu sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang diciptakan dengan bakat (kecekapan) dan kebolehan mencipta sesuatu yang indah-indah. Manakala istilah kesenian pula merupakan perihal seni yang berkaitan dengan seni, keindahan dan kehalusan. Kesenian berkait rapat dengan keindahan serta dianggap sebagai sebahagian kebudayaan yang membawa maksud indah, halus, lembut, senang didengar, senang dilihat dan menerangkan sesuatu.

Memetik pandangan Sidi Gazalba (1977), kesenian membawa maksud sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sekelompok manusia kerana setiap kelompok masyarakat mempunyai fitrah semula jadi yang cinta kepada seni yang menyenangkan hati melalui pancaindera rasa yang lima. Oleh yang demikian, manusia dikatakan sebagai makhluk seni yang cinta kepada sesuatu yang selamat, memuaskan dan memberi kepuasan hati melalui pancaindera rasa. Sementara itu, Herbert Read (1959) dalam bukunya *The Meaning of Art* mendefinisikan seni sebagai percubaan untuk menciptakan sesuatu yang menyenangkan hati. Kesenian merupakan usaha untuk mencetuskan kesenangan yang merupakan salah satu tuntutan fitrah naluri manusia.

Menurut Abdul Ghani Samsudin, Ishak Sulaiman dan Engku Ibrahim Ismail (2001), seni ditakrifkan sebagai segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia tidak kira sama ada ia merupakan hasil ciptaan Allah SWT mahupun dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan manusia. Di samping itu, seni juga merujuk kepada kemahiran tertentu dan daya imaginasi untuk mencipta sesuatu keindahan dan objek-objek tertentu, persekitaran atau pengalaman-pengalaman yang mampu dikongsi dengan orang lain. Kesenian juga merujuk kepada hasil kecekapan manusia dalam mencipta dan melahirkan bakatnya. Hasil tersebut dapat memberi kesenangan dan kepuasan kepada penyambutnya. Dalam masa yang sama, kesenian turut ditakrifkan sebagai sesuatu hasil kreativiti manusia yang mengandungi nilai keindahan bagi penciptanya, pernyataan dan hiasannya yang paling menyerlah dan dominan dalam hal tertentu serta mengambil kira aspek kepenggunaan dan kemanfaatan (Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman et al., 2011).

Memetik takrifan yang diberikan oleh Rahmah Bujang, Yaacob Harun, Mohammad Nazzri Ahmad dan Ahmad Hakimi Khairudin (2006), seni ialah buatan manusia yang boleh mendatangkan kesan psikologi ke atas manusia lain yang melihat dan menikmatinya. Sementara itu, Abdul Basit Samat @ Darawi et al., (2017) memberi takrifan kepada seni sebagai sesuatu yang indah, cantik dan halus yang terhasil daripada imaginasi dan kreativiti manusia. Melalui hasil seni ini mampu mewujudkan rasa kesenangan dalam jiwa sebagaimana fitrah naluri manusia. Seni merupakan sesuatu yang bersifat dinamik dan sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman hasil daripada kreativiti dan inovasi manusia dari masa ke semasa. Justeru, seni tidak boleh dilihat terhad kepada hiburan semata-mata. Seni perlu difahami dalam skop yang lebih luas kerana ia mempunyai fungsi dan nilai sosial dalam masyarakat.

## KESENIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Memetik pandangan Muhammad Abdul Jabbar Beg (1981), seni Islam ialah kesenian yang melambangkan peribadatan kepada Allah S.W.T yang dihasilkan oleh umat Islam dari semua keturunan di lingkungan masyarakat Islam. Memetik pandangan daripada Ismail al-Faruqi dan Lois Lamya (1992), seni Islam disifatkan sebagai kesenian yang seimbang antara bentuk dan isi. Ia juga merupakan pertemuan antara al-Jamal (keindahan) dan al-haq (kebenaran). Keindahan adalah hakikat alam tercipta dan kebenaran adalah puncak keindahan. Bertitik tolak daripada itu, Shafie Abu Bakar (1990) menegaskan bahawa keindahan itu bukan sahaja dilihat melalui mata dan anggota zahir malah ia perlu kepada dilihat melalui akal dan jiwa bagi menikmati keindahan yang hakiki. Tanggapan ini akan menjadikan kita mengenali keindahan sifat Allah SWT yang sebenar-benarnya.

Kesenian dari perspektif Islam mengandungi beberapa ciri yang menjadi komponen bersepadan untuk melengkapi antara satu sama lain. Di antara ciri-ciri tersebut ialah keindahan, unsur moral, kepelbaaan dalam kesatuan dan hubungan antara agama, etika dan estetika (Makmur & Abdullah Yusof, 2009). Justeru, al-Qardhawi (2001) menyamakan seni seperti ilmu pengetahuan dari sudut tujuan penggunaannya iaitu boleh dimanfaatkan untuk kebaikan dan pembangunan atau untuk tujuan kejahanan dan kerosakan. Maka ia bergantung pada pilihan seseorang individu itu sama ada untuk menggunakan bagi tujuan kebaikan atau keburukan.

Menurut Sidi Gazalba (1988), kesenian bukan sebahagian daripada agama tetapi ia merupakan aspek kebudayaan yang merupakan komponen dalam *Din Islam*. Namun begitu, walaupun kesenian itu tiada hubungan dengan agama dan hanya sebahagian daripada kebudayaan Islam maka ia perlu tertakluk kepada ajaran agama. Justeru, dapat difahami bahawa kesenian merupakan sebahagian daripada kebudayaan, manakala agama Islam pula mengandungi unsur-unsur kebudayaan. Dengan erti kata lain, kesenian adalah sebahagian daripada Islam. Bertitik tolak daripada itu, kesenian yang dihasilkan perlu berpandukan batasan syariat sebagaimana yang telah digariskan agar tidak membawa kepada kesan negatif dan kemungkaran.

Melihat dari perspektif Islam, seni seharusnya lahir sebagai satu proses pendidikan yang bersifat positif dan tidak lari dari batas-batas syariat yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan hadis. Lantaran itu, peranan utama seni terhadap masyarakat Islam terletak pada keupayaannya memperkuatkan tauhid dalam kalangan ummah (Othman Mohd. Yatim, 1986). Kesenian perlu berperanan sebagai pembimbing manusia ke arah tauhid dan pengabdian diri kepada Allah SWT. Islam telah memberi garis panduan bahawa kesenian perlu meletakan tauhid sebagai sendi dan mengelakkan dari unsur-unsur yang bercanggah dengan nilai akidah, syarak dan akhlak (Abdul Basit Samat @ Derawi et al., 2017). Justeru, kesenian bukanlah sesuatu yang membawa kerosakan semata-mata sebagaimana yang di lemparkan oleh sesetengah pihak bahkan ia turut berperanan dalam meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT sekiranya berada dalam landasan yang betul.


Islam sebagai agama fitrah memperakui keperluan seni dalam hidup manusia kerana seni merupakan fitrah atau tabii semula jadi manusia. Manusia akan lebih selesa apabila berada dalam suasana yang indah berbanding keadaan yang kotor, busuk serta menjijikkan. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan keyakinan bahawa keindahan mampu membawa kepada kebahagiaan dalam kehidupan mereka (Muhamad Faisal Ashaari & Badlihisham Mohd Nasir,

2006). Seni juga merupakan anugerah Allah S.W.T yang amat berharga kepada manusia dan sebagai makhluk ciptaan Nya bagi memenuhi naluri yang menginginkan keindahan. Islam melihat bahawa aspek kesenian itu adalah sesuatu yang membawa kemanfaatan kepada manusia seperti hasil keindahan yang terhasil itu adalah ciptaan Allah SWT atau melalui kemahiran atau kreativiti manusia itu sendiri (Salman Alfarisi Syahrul, 2004). Sebagaimana yang disebut dalam hadis baginda SAW:

“Ibnu Mas’ud meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Tidak akan masuk syurga sesiapa yang ada di dalam hatinya sifat takbur walaupun sebesar zarah. Maka berkata seorang lelaki: Sesungguhnya seorang lelaki itu suka pakaianya cantik dan sepatutnya cantik. Lalu Rasulullah SAW berkata: Sesungguhnya Allah Maha Indah, dan Dia suka akan keindahan, takbur adalah ingkar kepada kebenaran dan merendah-rendahkan manusia” (Sahih Muslim: Kitab al-Iman)

Namun begitu, terdapat pandangan yang menegaskan bahawa kesenian tidak mempunyai hubungan dengan Islam. Menerima pakai pendapat sebegini bererti menafikan fitrah manusia yang memiliki perasaan seni yang dikurniakan oleh Allah SWT (Shafie Abu Bakar, 1990). Oleh yang demikian, tanggapan terhadap Islam hanya tertumpu pada ibadah semata-mata perlu dikaji semula. Hal ini kerana Islam merupakan agama yang merangkumi segala aspek kehidupan termasuk bidang kesenian. Di samping melakukan ibadat, jiwa manusia turut cenderung kepada kesenian seperti hiburan untuk mengurangkan tekanan serta kekusutan fikiran dan menjalani kehidupan sehari-hari dengan lebih berkualiti. Lantaran itu, Islam tidak menghalang umatnya untuk berhibur tanpa sebarang sebab kerana ia adalah fitrah seorang manusia yang suka kepada hiburan. Namun, hiburan yang dibenarkan itu perlu dipastikan tidak berlebih-lebihan dan tidak melanggar batas-batas syariat (Makmur & Abdullah Yusof, 2009).

Kesenian yang menjadi keutamaan dalam Islam ialah kesenian yang mampu meningkatkan kehalusan dan keindahan budi pekerti manusia dalam membentuk hubungan di antara manusia dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Penghasilan seni bertujuan untuk meninggikan apresiasi manusia tentang semua nilai-nilai murni dan diredayai Allah SWT ke arah mendorong manusia mencapai ketakwaan, kemakrufan, kesolehan dan budi pekerti yang unggul. Sehubungan itu, Islam melihat seni itu adalah sesuatu yang murni yang bertujuan untuk mencantikkan dan meninggikan martabat, jiwa dan nyawa manusia.



Rajah 1: Falsafah tauhid dalam bidang-bidang seni

## KESENIAN SEBAGAI MEDIUM DAKWAH

Komponen yang cukup penting dan perlu diberi tumpuan dalam pelaksanaan dakwah ialah isi kandungan atau pengajaran yang ingin di sampaikan serta cara untuk menyampaikan pengajaran itu. Justeru, keperluan kepada pendekatan yang bersesuaian dengan sasaran juga perlu menjadi fokus utama di samping isi pengajaran dalam memastikan dakwah yang disampaikan berkesan. Walaupun pengajaran yang disampaikan itu baik, namun ia sukar diterima oleh sasaran sekiranya pendekatan yang digunakan tidak menepati kehendak sasaran. Oleh yang demikian, pemilihan pendekatan dakwah yang bersesuaian mampu mempengaruhi sasaran untuk menerima pengajaran atau isi dakwah yang disampaikan.

Kesenian merupakan salah satu medium yang terbaik dalam memenuhi tuntutan dakwah dan diminati ramai. Sesuatu yang diminati ramai adalah lebih mudah diterima oleh khalayak. Mohd. Faizal (2006) dalam kajiannya mendapati bahawa penggunaan kesenian merupakan sebahagian daripada cara berhikmah untuk berdakwah. Pandangan yang sama turut dinyatakan oleh Abdul Basit (2014) yang menjelaskan bahawa kesenian boleh digarap sebagai media dakwah yang menepati uslub-uslub dakwah itu sendiri iaitu dengan hikmah, nasihat yang baik dan juga perbahasan yang baik sebagaimana yang telah tercatat dalam al-Qur'an. Firman Allah SWT:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk”  
(Surah al-Nahl: 125)

Memetik pandangan yang diberikan oleh Abdul Basit Samat @ Derawi (2014), kesenian boleh digarap sebagai media dakwah yang menepati uslub-uslub dakwah itu sendiri. Usaha dakwah dapat dilaksanakan dengan penuh hikmah dengan menggunakan aspek seni. Sebagai

contoh perkara-perkara yang berkaitan dengan ajaran Islam dari pelbagai aspek sama ada berkaitan akidah, syariat, akhlak, sirah Rasulullah SAW, pengisahan perjuangan para sahabat dan lain-lain boleh disampaikan secara berhikmah dan mudah untuk diterima. Di sini aspek kesenian boleh memainkan peranan dengan perkara-perkara tadi di sampaikan kepada golongan sasar dengan aspek seni berfungsi sebagai alat penyampai atau media. Sebagai contoh dengan menggunakan seni syair, puisi, khutbah, penulisan kreatif, seni lakon sebagai cara untuk menyampaikan dakwah.

Di samping itu, dakwah menggunakan kesenian adalah melalui uslub memberi pelajaran atau nasihat yang baik. Seni menyampaikan mesej dalam bentuk syair atau prosa seperti penulisan kreatif, lirik-lirik atau bait-bait lagu dan syair yang mengandungi pelbagai bentuk nasihat dan pengajaran yang berguna menjadi media kepada apa yang hendak disampaikan. Sebagai contoh kesenian nasyid yang ditakrifkan oleh Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohammad (1994) sebagai menyanyikan satu-satu rangkap puisi atau menyampaikan bait-bait sajak dalam bentuk nyanyian atau lagu yang bertujuan memuji Nabi Muhammad SAW, menceritakan akhlak yang baik dan mengingatkan para pendengarnya supaya taat kepada perintah Allah SWT. Manakala melalui uslub mujadalah, perbahasan berlaku melalui lisan atau penulisan. Pandangan-pandangan tertentu dalam aspek perbahasan boleh disampaikan dengan berkesan melalui struktur penulisan kesusasteraan dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai kepada golongan sasaran. Malahan setiap idea atau pandangan yang hendak dilontarkan dapat dikemukakan dengan tersusun dan mampu difahami dengan baik. Seni dan teknik penyampaian yang baik dalam penulisan itu menjadikannya sebagai satu media yang berkesan dalam menegakkan hujah serta kebenaran dalam sesuatu isu yang dibahaskan (Abdul Basit Samat @ Derawi, 2014).

Dakwah yang menggunakan elemen kesenian yang mengandungi nilai-nilai estetika menimbulkan kesukaan kepada sasaran dakwah untuk menerimanya. Hal ini kerana seni membuka perasaan dan dakwah akan lebih mudah masuk serta diterima melalui perasaan yang terbuka itu. Menurut Wan Salim (1990), kesenian mempunyai pengaruh yang cukup besar dan ketara terhadap masyarakat pada masa kini. Menyingkap sejarah dakwah Wali Songo, pendekatan dakwah melalui kesenian yang dilakukan oleh para wali merupakan dakwah yang sangat mempertimbangkan aspek kebijaksanaan hidup. Ia terbukti melalui syiar dakwah yang dibawa oleh mereka diterima dan difahami oleh masyarakat (Abdur Razzaq & Badlihisham 2006). Sunan Bonang, Sunan Giri, Sunan Drajat dan Sunan Kalijaga merupakan wali yang sangat terkenal dalam menggunakan pendekatan kesenian sebagai wasilah dakwah mereka. Pendekatan dakwah melalui kesenian yang digunakan oleh Wali Songo membawa pengaruh yang sangat besar terhadap penyebaran Islam di Indonesia. Penggunaan kesenian sebagai salah satu wasilah dakwah turut memberi kesan terhadap sintesis budaya peninggalan Hindu-Budha dengan ajaran Islam yang telah dibawa oleh Sunan.

Menyedari hakikat ini, kesenian dilihat sebagai salah satu media yang dapat mengajak manusia untuk mengagungkan kebesaran Allah SWT serta menyeru manusia agar melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Norain Ishak (2010), semakin dalam penghayatan seseorang terhadap keindahan kejadian makhluk di dunia ini maka semakin dekat dirinya kepada Pencipta. Semakin halus jiwa dalam melihat serta menilai sesuatu yang indah semakin mendalam keyakinan terhadap kebesaran Allah SWT. Di samping mampu mengerakkan akal serta mendorong hati ke arah kebajikan,

kesenian juga berupaya merangsang semangat jihad serta berupaya menitipkan nilai-nilai murni. Oleh yang demikian, maka jelas di sini bahawa seni boleh digunakan dalam menyebarkan agama dan memperkuatkan amal kebaikan dalam kalangan ummah. Pengabaian terhadap aspek seni dalam dakwah adalah suatu sikap yang amat merugikan Islam dan umatnya.

Memanfaatkan seni sebagai pendekatan dakwah diistilahkan sebagai seni dakwah. Seni dakwah dapat difahami sebagai karya-karya seni yang mengandungi seruan kepada ajaran dan amalan Islam. Di samping itu, Sidi Gazalba (1988) turut menjelaskan bahawa seni dakwah adalah salah satu teknik dalam berdakwah yang bertujuan untuk menggerakkan sasaran supaya menerima dan mengamalkan ajaran Islam. Memetik pandangan Siti Rugayah Tibek (2006), kepelbagaiannya bidang kesenian berupaya menyumbang kepada pembentukan nilai-nilai positif melalui mesej yang dibawa iaitu untuk mengajak khalayaknya untuk melakukan kebaikan serta menjauhi kemungkaran. Mengambil contoh masyarakat Melayu silam yang memanfaatkan kesenian dengan pelbagai tujuan iaitu untuk menyebarkan ajaran Islam, memberi nasihat, untuk menaikkan semangat masyarakat semasa mempertahankan negara dari ancaman musuh dan juga sebagai hiburan. Melalui penghasilan seni sastera yang tersebar luas menjadikan seni sebagai media nasihat untuk membimbang masyarakat ke arah berilmu, beriman dan berbudi mulia (Mujani Tarimin & Fairuz el-Basri, 2004).

Sehubungan dengan itu, para seniman serta golongan ilmuwan perlu bekerjasama menggembungkan tenaga dan buah fikiran bagi memastikan kesenian yang berpandukan syariat dapat dijadikan sebagai pendekatan dakwah. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd Asri Che Ibrahim dan Shukeri Mohamad (2018), keindahan kesenian dan penghayatan seharusnya membawa manusia mengenal kehebatan dan keagungan Allah SWT dan bukan bertujuan untuk memenuhi kehendak nafsu sahaja. Hal ini secara tidak langsung akan menjadikan kesenian itu sebagai wadah pengantara untuk melahirkan insan yang bertakwa kepada Allah. Bertitik tolak daripada itu, sebarang bentuk kesenian terutamanya yang berbentuk hiburan perlu dipastikan agar tidak bersifat hedonisme semata-mata yang boleh membawa kepada kerosakan. Dalam hal ini al-Qardhawi (2002) menjelaskan bahawa seni boleh diumpamakan perihalnya dengan ilmu yang berperanan untuk kebaikan dan pembangunan atau untuk kejahatan dan kerosakan.


Sementara itu, Razaleigh Kawangit (2006) membahaskan bahawa pengamalan terhadap seni adalah amat digalakkan di dalam Islam dengan tujuan untuk kebaikan dan kemaslahatan seperti memperkembangkan bakat, perhubungan sosial, kreativiti, nilai-nilai murni, kerjasama dan sebagainya. Adalah dirasakan perlu bagi para pendakwah untuk memahami seterusnya menjadikan kesenian sebagai medium dakwah. Kenyataan ini bertepatan dengan buah pandangan yang dilontarkan oleh Azhar (2006) yang menyatakan bahawa dakwah yang mengabaikan keperluan kesenian kepada manusia adalah sebuah dakwah yang tempang. Justeru, fungsi kesenian sebagai satu pendekatan untuk melaksanakan aktiviti dakwah perlulah difahami dengan jelas oleh para pendakwah agar mesej yang ingin disampaikan memberi kesan kepada khalayak.

Menurut Makmur dan Abdullah Yusof (2009), kesenian boleh dijadikan sebagai media untuk mengajak manusia supaya mengagungkan kebesaran Allah SWT dan menyeru manusia supaya melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan perbuatan kejahanan. Kenyataan ini turut selari dengan kenyataan Abdul Basit Samat (2014) yang menyifatkan kesenian sebagai alat dalam menyampaikan mesej melalui ekspresi seni yang boleh dihasilkan

dalam pelbagai bentuk. Justeru, kesenian menjadi salah satu medium dakwah yang digunakan oleh para pendakwah pada masa kini dan ia dilihat banyak membantu gerakan dakwah dalam sesuatu organisasi mahupun individu itu sendiri. Menyedari kepentingan kesenian dalam melaksanakan aktiviti dakwah, Muhamad Faisal Ashaari dan Badlihisham Mohd Nasir (2006) mendapati bahawa gerakan Islam turut mengambil langkah dan pendekatan yang tersendiri dalam usaha menyebarkan Islam menerusi wadah kesenian.

Dengan ini, jelaslah bahawa kesenian dan dakwah saling berkaitan dan tidak boleh dipisahkan. Seni dilihat bukan sekadar metode hiburan semata-mata bahkan berperanan sebagai medium dakwah yang berkesan. Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa kesenian itu merupakan sebahagian daripada cara berhikmah dalam berdakwah. Usaha-usaha dakwah melalui kesenian ini dilihat mempunyai potensi yang besar dalam mempengaruhi pemikiran dan gaya hidup masyarakat dan seterusnya mencorakkan budaya sesebuah bangsa. Menyedari seni sebagai alat yang boleh digunakan sama ada untuk kebaikan atau keburukan, ia tertakluk kepada motif dan tindakan seseorang bagi mengembang dan menghayatinya agar menjadi satu alat yang memberi faedah. Perkembangan seni yang tersebar ke seluruh pelosok dunia dengan berbagai bentuknya menjadikan umat Islam harus dapat membuat pilihan mengenai seni yang boleh dan tidak dibolehkan berdasarkan ajaran agama Islam.

Sehubungan itu, pemanfaatan kesenian bagi tujuan dakwah merupakan satu usaha yang sepatutnya dipandang serius oleh semua pihak. Ini kerana ia bukan sahaja berperanan memenuhi tuntutan fitrah manusia yang inginkan ketenangan dan hiburan, malah ia dilihat mempunyai potensi yang besar dalam mempengaruhi pemikiran dan gaya hidup golongan remaja yang merupakan peneraju negara di masa hadapan. Zikmal Fuad (2018) turut menegaskan bahawa pendekatan dakwah melalui seni perlu dikaji dan diberi perhatian kerana pendekatan dakwah yang efektif menentukan kejayaan dakwah. Kesenian menjadi satu wadah ke arah pembentukan nilai dan peribadi yang baik kerana seni masih dianggap sebagai sesuatu yang ideal dan mempunyai hubung kait dengan moral (Mohd Asri Che Ibrahim & Shukeri Mohamad, 2018).



Rajah 2: Kesenian sebagai pendekatan dakwah

## DAKWAH KONTEMPORARI MELALUI KESENIAN

Dalam memastikan matlamat tercapai, dakwah perlu dilaksanakan dengan cara yang bijaksana dengan perancangan yang rapi serta dilakukan secara bersama dalam satu gerakan yang kukuh. Salah satu elemen di dalam memastikan keberkesanan usaha dakwah ialah pendekatan yang

bersesuaian dengan sasaran. Di samping isi pengajaran yang baik dan bersesuaian, cara penyampaian merupakan perkara penting kerana ia mempengaruhi sasaran untuk menerima dakwah yang disampaikan. Pendekatan dakwah yang terbaik adalah berasaskan pendekatan fitrah iaitu yang bersesuaian dengan fitrah manusia (Wan Hussein Azmi, 1988). Konsisten dengan kenyataan ini, Mohammed (2013) yang menyatakan bahawa dakwah kepada masyarakat melalui unsur fitrah mempunyai nilai yang cukup tinggi dalam tahap penerimaannya. Di samping itu, pengaruhnya yang sangat kuat berupaya membentuk pemikiran dan kelakuan khalayak.

Menurut Mohammad Kamil dan Muhammed Yusof (2006), kesan daripada perubahan corak pemikiran dalam kepelbagaian budaya dan bangsa pada masa kini, usaha penyampaian dakwah memerlukan pendekatan kontemporari yang lebih kreatif dan efektif dengan tidak menafikan kerelevan pendekatan dakwah yang terkandung di dalam al-Quran. Justeru, penyampaian dakwah pada hari ini perlu kepada pendekatan yang pelbagai dan terkini dan tidak terikat dengan cara berceramah atau pendekatan tradisional semata-mata. Usaha mempelbagaikan medium dakwah agar seiring dengan peredaran zaman semasa perlu dipandang serius bagi memastikan mesej dakwah dapat diterima dengan baik oleh sasaran. Bertitik tolak daripada itu, konteks pendekatan dakwah kontemporari memberi ruang kepada seni dan media untuk berkembang dalam masyarakat sebagai medium dalam usaha menyebarluaskan Islam kepada sasaran khalayak (Rosmawati Mohamad Rasit & Muhamad Faisal Asha'ri, 2014).

Persediaan menghadapi cabaran dakwah kontemporari atau masa kini menuntut suatu pendekatan yang lebih segar dan terkini yang diperkenalkan bagi menjadikan wasilah dakwah tersebut relevan dengan masyarakat masa kini (Muhammad Adnan Pitchan, Siti Nur Husna Abd Rahman & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, 2018). Bersesuaian dengan keperluan masyarakat pada era sains dan teknologi serta komunikasi masa kini, penggunaan pelbagai bentuk aplikasi media sosial dalam segala aspek kehidupan telah menjadi sesuatu yang amat penting termasuk sebagai saluran dakwah. Aplikasi komunikasi dan media sosial seperti *Facebook*, *Whatsapps*, *Instagram*, *Twitter*, *You Tube* dan sebagainya dilihat berpotensi memberi peluang yang meluas terhadap penyebaran mesej dakwah kerana sifatnya yang pantas, langsung ke sasaran, meluas penggunaannya dan lebih global (Noor Azaian Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh, 2017).

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam dakwah melalui kesenian terutamanya dalam seni hiburan perlu dimanfaatkan dengan bijak. Melihat kepada pengaruh yang cukup besar penggunaan aplikasi komunikasi dan media sosial terhadap masyarakat kini, ia membuka jalan dan peluang kepada pendakwah untuk menggunakan saluran ini dengan sebaiknya bagi menyampaikan dakwah melalui kesenian. Sifatnya yang menarik, pantas dan sangat interaktif., media sosial dilihat mampu memberi impak yang maksimum terhadap aktiviti dakwah dengan menggunakan medium kesenian seperti seni muzik, seni suara, seni lakonan dan sebagainya. Hal ini secara tidak langsung dapat meluaskan skop dakwah itu sendiri yang bukan sekadar dilaksanakan hanya secara *face to face*.

Melihat suasana masyarakat pada masa kini lebih terdedah kepada pelbagai bentuk hiburan yang mudah dicapai melalui pelbagai aplikasi komunikasi dan media sosial. Sehubungan itu, pemanfaatan seni yang berbentuk hiburan sebagai pendekatan dakwah seharusnya dikembangkan dalam bentuk yang pelbagai melalui penggunaan aplikasi teknologi

komunikasi dan media sosial. Zikmal Fuad (2015) menyatakan bahawa berdakwah melalui seni muzik ataupun suara boleh menjadi medan dakwah paling relevan hingga ke hari ini. Dakwah menjadi lebih lancar dan semarak dengan adanya unsur-unsur seni suara yang diperdengarkan. Justeru, pendekatan dakwah melalui seni hiburan boleh diperluaskan ruang lingkup dan tidak tertumpu seni suara dan muzik seperti nasyid dan qasidah sahaja. Seni lakonan melalui drama dan filem berunsur Islam serta patuh syariah turut menyumbang kepada penyebaran dakwah pada masa kini. Penyampaian unsur-unsur Islam ataupun teladan baik melalui drama dan filem sudah menjadi salah satu daripada mekanisme penyampaian terpenting dan berkesan kepada masyarakat hari ini. Lantaran itu, pengaplikasian teknologi digital serta penggunaan aplikasi media sosial dalam berdakwah melalui kesenian ini akan menjadikan pendekatan dakwah kontemporari yang lebih interaktif dan menarik.

## KESIMPULAN

Pendekatan dakwah Islam itu pelbagai dan perlu disesuaikan dengan sasaran dakwah. Konteks pendekatan dakwah kontemporari mengiktiraf usaha berdakwah melalui kesenian. Kesenian menjadi salah satu medium dakwah dalam meraikan fitrah manusia yang suka kepada keindahan. Asas penting di dalam penyampaian dakwah melalui pendekatan kesenian perlu memberi impak yang positif berlandaskan tauhid, tunduk dan penyerahan diri kepada ajaran Islam. Pembinaan kesenian atas dasar amar makruf dan nahi mungkar menjelaskan bahawa kesenian juga merupakan suatu medan untuk menyampaikan dakwah. Pemanfaatan seni dan hiburan untuk tujuan berdakwah merupakan satu usaha yang perlu dipandang serius. Hal ini kerana ia mempunyai potensi yang besar dalam mempengaruhi pemikiran dan gaya hidup masyarakat seterusnya mencorakkan budaya sesebuah bangsa. Di samping itu, ia mampu menyelinap secara halus tanpa disedari dan sekali gus mengubah sasaran kepada yang positif. Sehubungan itu, pemanfaatan kemajuan teknologi komunikasi sebagai pendekatan dakwah melalui kesenian akan menjadikan usaha dakwah lebih berkesan dan mencapai matlamatnya.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
- Ab. Aziz Mohd. Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiyah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abdul Basit Samat @ Darawi et al. (2017). Kesenian Islam dalam warisan ketamadunan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 8 (3): 1-12.
- Abdul Basit Samat @ Darawi. (2014). Seni berzanji dan marhaban sebagai media dakwah: Kajian terhadap golongan remaja di negeri Johor. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Ghani Samsudin, Ishak Sulaiman & Engku Ibrahim Ismail. (2001). *Seni dalam Islam*. Petaling Jaya, Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- Abdullah Yusof & Awerman Bidin. (2008). Perkembangan seni muzik dalam peradaban Islam di Nusantara. *Journal of Al-Tamaddun* 3 (1): 48-67.

- Ahmad Ridzuan Mohamed Dzambrah Zawawi (2006). Sains angkasa – Seni: Mengharmonikan hubungannya dengan falsafah ketuhanan dan kealaman iaitu nilai estetika kesenian sebagai potensi dalam uslub dakwah. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos 2006. hlm. 181-187.
- Amini Amir Abdullah. (1997). Konsep Seni dalam Islam, dlm. *Tamadun Islam*. Ahmad Fauzi Morad, Ahmad Tarmizi Talib (edt). Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia.
- Aziz Deraman, Wan Ramli Wan Mohammad (1994). *Muzik dan Nyanyian Tradisi Melayu*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- al-Bayanuni, Muhammad Abdul Fatah. (2001). *Al-Madkhil ila Ilm al-Dakwah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Faruqi, Isma'il & al-Faruqi, Lois Lamya. (1992). *The Cultural Atlas of Islam*. Washington D.C.: International Institute of Islamic Thought.
- Ismail Hamid. (1985). *Peradaban Melayu dan Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mahfuz, Syeikh Ali. (1958). *Hidayah al-Mursyidin ila Turuq al-Wa'za wa al-Khitabah*. Kaherah: al-Matba'ah al-Uthmaniah al-Misriyyah.
- Makmur & Abdullah Yusof. (2009). Isyarat dan manifestasi seni dalam al-Qur'an: Satu sorotan. *Jurnal Al-Tamaddun*, 4: 67-79.
- Mohamad Nazli Omar. (2016). Teori dan konsep pengurusan dakwah: Satu tinjauan awal. *Jurnal Ilmi*, 6:149-168 .
- Mohammad Kamil & Muhammed Yusof. (2006). Islamisasi seni muzik sebagai hiburan alternatif: Satu analisis dari perspektif pendekatan dakwah. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos 2006. hlm. 283-294
- Mohammed Yusof. (2013). Dakwah melalui muzik edutainment: Tumpuan terhadap nasyid di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan*. Anjuran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Mohd Asri Che Ibrahim & Shukeri Mohamad. (2018). Pelaksanaan dasar kesenian di Negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015: Analisis menurut siasah syar'Iyyah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 17: 24-40.
- Mohd Sabri Ismail, Tuan Syed Abdurahman Syed Hussin & Salmiah Ismail. (2006). Dakwah Ke Arah Mengisalmisasikan Kesenian: Satu Pendekatan Di Kelantan. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos 2006. hlm. 89-110.
- Mohd. Faizal. (2006). Dakwah dan kesenian: Satu sorotan sejarah. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos 2006. hlm. 371 - 374.
- Muhamad Faisal Ashaari & Badlihisham Mohd Nasir. (2006). Kesenian dari perspektif gerakan Islam: Satu tinjauan di Malaysia. *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos 2006. hlm. 131-141.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg. (1981). *Fine Art in Islamic Civilization*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Muhammad Adnan Pitchan, Siti Nur Husna Abd Rahman, & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2018). Teori Al-Daruriyyat dan Penggunaan Media Sosial: Satu Perbincangan Konsep. *Jurnal Komunikasi*, 34(4), 75-92.
- Mujani Tarimin & Fairuz el-Basri. (2004), Pembentukan generasi melalui seni. *International Seminar on Islamic Thoughts Proceedings*, Anjuran Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-9 Disember 2004.
- Nasr, S.H.. (1989). *Falsafah Kesusasteraan dan Seni Halus*, Terj. Baharudin Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman et al. (2011). Kesenian Melayu: Jiwa Islam dalam pengkaryaan. *World Congress for Islamic History and Civilization Islamic Art*, Department of Islamic History and Civilization Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 10-11 Oktober.
- Noor Azaian Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah, & Mohd Azul Mohamad Salleh. (2017). Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, Special Articles, 1-10.
- Norain Ishak. (2010). *Pengantar Seni Islam*, Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam UiTM Melaka.
- Othman Mohd. Yatim. (1986). *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qaradawi, Yusof. (1978), *Thaqafah al-Da'iyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- al-Qaradawi, Yusof. (2001). *Seni Menurut Perspektif Islam*, Terj. Basri Ibrahim Al-Azhari, Johor Baru: Perniagaan Jahabersa.
- al-Qaradawi, Yusof. (2002), *Seni & Hiburan Dalam Islam*. Terj. Muhammad Baihaqi. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Rahmah Bujang, Yaacob Harun, Mohammad Nazzri Ahmad & Ahmad Hakimi Khairudin. (2006). Kesenian, Proses Sosialisasi, Dan Kebudayaan Masyarakat Melayu, dlm *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2006). Etika muzik, nyanyian dan tarian di dalam kesenian Islam. Dlm. Razaleigh Muhamat @ Kawangit. *Isu-Isu Pengurusan Dakwah*. hlm 82 – 105. Bangi: Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Read, H. (1959). *The Meaning of Art*, London: Penguin Books.
- Rosmawati Mohamad Rasit & Muhamad Faisal Asha'ari. (2014). *Warisan Kecendekiaan Islam: Dakwah, Seni dan Media*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salman Alfarisi Syahrul (2004), Nasyid Menurut Perspektif Imam al-Ghazali Dan Kumpulan Raihan. Tesis Sarjana Pengajian Islam Dakwah dan Kepemimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Shafie Abu Bakar. (1990). Keindahan dalam kesenian Islam. dlm *Kesenian Islam*. Ahmad Kamal Abdullah (edt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidi Gazalba. (1977). *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Sidi Gazalba. (1988). *Islam Dan Kesenian Relevensi Islam Dengan Seni-Budaya Karya Manusia*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.

- Siti Rugayah Tibek. (2006). Seni Membentuk Nilai Murni, *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos 2006. hlm. 1-6.
- Sulaiman Ibrahim el-Barruhay. (2006). Kesenian dalam Islam: Suatu Sorotan dari Perspektif Dakwah, *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, Anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 7-8 Ogos 2006. hlm. 363-370.
- Syed Othman al-Habshi. (1998). Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah. Dlm. *Prinsip dan Kaedah dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Abdullah Muhammad Zain, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot (pnyt). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 101 – 114.
- Wan Hussein Azmi. (1988). *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zikmal Fuad. (2018). Pendekatan Dakwah melalui Seni oleh Shaykh Muim Al-Wahhab. *Jurnal Pengajian Islam*, Akademi Islam KUIS, 8 (3): 1-19